

Tiada jawatan TPM bukan perkara baharu: PM

RH
- 29/8/2021
m/s: 2

Ismail Sabri beri contoh sebelum ini tugas itu juga tidak diisi

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Tidak menamakan Timbalan Perdana Menteri dalam senarai Kabinet yang baru diumumkan kelmarin, bukan perkara baharu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menjelaskan, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika dilantik ke jawatan tertinggi itu tahun lalu juga tidak menamakan atau mempunyai timbalan.

“Muhyiddin tidak menamakan

Timbalan Perdana Menteri pada mulanya. Timbalan Perdana Menteri dilantik kemudian.

“Saya juga tidak mengumumkan semalam,” katanya pada sidang media selepas menyaksikan Eksesais Para Predator Siri 1/2021 di Kampung Batu Bor di sini, semalam.

Yang turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Eksesais itu membabitkan hampir 1,900 pegawai dan anggota serta 150 aset termasuk trak dan helikopter daripada pelbagai elemen.

Latihan berskala besar selama dua minggu itu bermula Selasa lalu, menjadi antara latihan dilaksanakan Tentera Darat Malaysia (TDM) melalui 10 Briged (PARA) yang berpangkalan di



Ismail Sabri diiringi Affendi dan Zamrose menyaksikan Eksesais Para Predator Siri 1/2021 di Kampung Bukit Bor, Bera, semalam. (Foto BERNAMA)

Kem Terendak, Melaka.

Ketika ditanya adakah seseorang pemimpin akan dilantik untuk mengisi jawatan itu nanti, Ismail Sabri memberikan jawapan ringkas dengan mengatakan bahawa beliau tidak pasti.

Dalam perkembangan berasingan, Ismail Sabri berkata, satu kajian sedang dijalankan untuk menawarkan skim pencen pro-rata kepada semua pegawai dan anggota angkatan bersenjata yang bersara lebih awal, tanpa mendapat pencen.

Perdana Menteri berkata, kajian komprehensif sedang dibuat untuk membantu tentera yang bersara awal bagi membolehkan mereka terus menyara keluarga setelah mengakhiri perkhidmatan masing-masing.

“Kami berharap dapat mena-

warkan skema yang sesuai untuk mereka yang bersara lebih awal,” katanya.

Ismail Sabri berkata, ketika ini, kebajikan bekas pegawai dan anggota ATM diuruskan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHE-VATM) dan melalui skim sebelum ini, kalau mereka berhenti sebelum cukup tempoh ditetapkan, tidak menerima pencen.

“Mungkin selepas kertas kerja selesai, menteri baharu (Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein) akan membawa perkara ini untuk dibentangkan di Parlimen,” katanya.

April lalu, Kementerian Pertahanan dalam kertas cadangannya mewajibkan semua anggota angkatan bersenjata berkhidmat selama 21 tahun untuk layak mendapat pencen.

Ketika ini, mereka mempunyai pilihan untuk bersara dengan perkhidmatan 12, 15 atau 18 tahun, tanpa mendapat pencen.

Terdahulu sejourus tiba untuk lawatan kerja ke Parlimen Bera sejak dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan, Ismail Sabri menziarahi pusara ibu bapanya yang terletak di Tanah Perkuburan Islam Lubuk Kawah di sini.

Beliau yang tiba di tanah perkuburan itu kira-kira jam 11 pagi ditemani abangnya, Abdul Manaf sebelum melawat pusara bapa, Allahyarham Yaakob Abdul Rahman dan ibu, Allahyarhamah Wan Jah Wan Mamat.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira setengah jam di tanah perkuburan berkenaan sambil membacakan doa dan surah Yasin.